



WARISAN

Warisan

KDN 7890



KELUARAN 16 1992
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

KANDUNGAN

Muka Surat

- | | |
|--|---------|
| 1. Laporan Lawatan PSMCNS ke Sumatera Barat | 6 - 10 |
| 2. Pelabuhan Pengkalan Kempas | 11 - 18 |
| 3. Kepentingan Lagenda dan Mitos dan Kedatangan Orang Minangkabau ke Negeri Sembilan | 19 - 31 |
| 4. Sistem Bersuku-Suku Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan | 32 - 46 |
| 5. Tokoh Guru/Politik Negeri Sembilan Dan Kebangsaan Haji Mohd. Yusof Bin Badin | 47 - 51 |
| 6. Sejarah Serangan P.K.M. Ke Atas Balai Polis Simpang Pertang, Jelebu | 52 - 64 |
| 7. Istiadat Perkahwinan di Rembau (Secara Beradat- Adat Perpatih) | 66 - 74 |



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**
SPNS., PSM., DSNS., PMC.

Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

Telefon: Seremban 722421 & 722311
**PEJABAT MENTERI BESAR,
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,
70502 SEREMBAN.**

فجاجة منتري بسر
نكري سمبيلن
دارالخصوس



**MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

KATA-KATA ALUAN.

Rakaman penghargaan saya tujukan kepada Sidang Redaksi Jurnal Warisan kerana terus memperlihatkan keupayaannya menerbitkan makalah periodical ini bagi kali yang ke 16.

Dengan kekayaan sejarah yang dimiliki sejak zaman berzaman lagi, maka sudah sewajarnya kerja-kerja pembukaan dan penerbitan secara umumnya disempurnakan oleh kita semua untuk tatapan generasi mendatang.

Jurnal Warisan sebagai penghebah fakta sejarah negeri akan terus mendapat perhatian masyarakat ramai khususnya para pengkaji dan penyelidik sejarah kerana ia akan menjadi salah satu bahan pedoman yang berguna di tahun-tahun akan datang.

Sehubungan dengan itu, adalah amat wajar bagi kita semua untuk mengkhususkan tanggungjawab ini dengan cara yang paling efektif untuk membolehkan penghayatan sejarah itu berjalan dengan amat sempurna.


Inilah satu-satunya usaha paling murni di kalangan kita semua untuk terus membuka penglihatan dan pemikiran generasi hari ini ke arah pemupukan dan penghayatan nilai-nilai sejarah negeri dan negara yang lebih bererti lagi.

Salam hormat,

**(DATO' SERI UTAMA TAN SRI HJ. MOHD. ISA
BIN DATO' HJ. ABDUL SAMAD.)**



PEJABAT PENGARAH PENDIDIKAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
70604 SEREMBAN.
TEL: 06-724337 FAX: 06-739969



KATA-KATA ALUAN

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi Jurnal Warisan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan berjaya diterbitkan. Syabas kepada Sidang Redaksi dan kepada semua yang terlibat dalam kelahiran ini.

Seperti di masa-masa lalu, kemunculan jurnal ini adalah sebagai penyimpul kepada urutan dan cebisan sejarah zaman silam untuk bahan tatapan generasi masakini. Ia juga akan memberi peluang kepada lebih ramai penulis, pelajar dan orang-orang perseorangan menyumbangkan penulisan mereka berhubung dengan sejarah tempat masing-masing.

Untuk Warisan Keluaran Yang ke 16 ini satu ruang 'Lorekan Remaja' telah diwujudkan. Tujuannya adalah untuk memupuk dan memperkembangkan bakat-bakat penyelidikan dan penulisan di kalangan pelajar-pelajar.

Peranan Sejarah dalam melahirkan warga setia dan cintakan tanahair tidak dapat dinafikan. Justru itu Kementerian Pendidikan telah mengatur langkah-langkah yang konkrit, positif dan berkesan untuk meletakkan mata pelajaran Sejarah dalam perspektif yang betul dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah kini.

Sayugia itu saya menyeru guru-guru Sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap Sejarah untuk memainkan peranan masing-masing.


Akhir kata, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam 'WARISAN' keluaran ini. Seterusnya Warisan memerlukan sokongan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan Sejarah, bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian

(HAJI SA'ARI BIN HASAN)
Pengarah Pendidikan, N. S. D. K.
Merangkap,
Pengerusi Jawatankuasa Kerja PSM,
Cawangan Negeri Sembilan.



**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**
d/a Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Seremban.



Dari Meja Pengarang

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi "Warisan" dapat dikeluarkan untuk Kali ke 16. Dengan sokongan kuat daripada semua pihak terutama Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Ahli-ahli sidang Redaksi, tokoh-tokoh Penulis Sejarah Negeri Sembilan dan semua Sejarawan Tempatan yang sama-sama memberi sokongan kepada penerbitan "Warisan" kali ini.

Selaras dengan perubahan dan perkembangan zaman untuk menuju satu cita-cita murni bangsa dan negara ke arah abad ke 21 yang lebih cemerlang dan mencabar, maka "Warisan" memainkan peranan yang lebih besar dalam mengisi dan membina generasi baru Malaysia supaya generasi ini peka dan menjadikan Sejarah sebagai landasan utama untuk meniti ke arah mercu kejayaan dan pembinaan bangsa yang seimbang dari segi pengetahuan, rohani, jasmani supaya dapat melahirkan generasi yang bertakwa, harmonis dan pewaris bangsa yang dapat dibanggakan.

Untuk itu "Warisan" akan terus wujud dan kekal sebagai media penyambung warisan bangsa.

Terima Kasih.

MOHD HISA BIN TAHAT
Ketua Pengarang.

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
1991 - 1992**

Yang DiPertua

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato Haji Abdul Samad,
SPNS., PSM., DSNS, PMC.
(Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus)

Naib Yang DiPertua

Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, AMN., PKT., PIS
(Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus)

Setiausaha Kehormat

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.

Penolong Setiausaha Kehormat

Encik Mahadi bin Abdul Rahman PJK

Bendahari

Encik Tilak Raj Sharma PJK.

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.

Ahli-Ahli Jawatankuasa

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar, AMN., ANS., PJK.
Encik Zainal Abidin bin Haji Mohd Yusof PBB., PMC.

Tuan Haji Hussain bin Salleh, PMC.

Prof. Norhalim bin Haji Ibrahim

Tuan Syed Lood bin Syed Yusof

Sidang Redaksi Warisan ke 15:

Pengerusi

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mohd Hisa bin Tahat

Editor

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi

Puan Hajjah Zaini Omar

Tuan Haji Misan bin Mastor

Encik Zulkapli Othman

Setiausaha

Encik Mahadi Abdul Rahman.

SISTEM BERSUKU-SUKU DALAM ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

*Satu sorotan dan Perbandingan dengan Adat Minangkabau dan
Adat Melayu Darat di Sumatera*

Oleh

HAJI YAAKUB BIN IDRUS

MUKADDIMAH

Satu ciri utama dalam sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan Daerah Nanning Melaka ialah sistem bersuku-suku atau kelompok masyarakat yang diungkapkan dalam kata-kata adat:

*Beruang-ruang bak durian
Berpuak-puak bak kerbau
Bersuku-suku anak buah
Berapalah suku itu?
Dua belas, kata adat.*

Sistem bersuku ini telah kita amalkan entah sejak beberapa ratus tahun tiada siapa yang dapat menentukannya. Belum pernah ada di buat kajian ilmiah tentangnya. Setakat ini kita hanya menerima saja pendapat-pendapat atau cerita-cerita lisan bahawa sistem ini datangnya dari tanah Minangkabau yang dibawa oleh peneroka-peneroka Minangkabau. Kenyataan ini akan terus kita terima terus menerus dan akibatnya anak cucu kita akan sama turut menerima pendapat ini dan menganggap diri mereka keturunan Minangkabau. Apa lagi orang-orang luar Negeri Sembilan terus menganggap semua orang Negeri Sembilan adalah keturunan Minangkabau. Pada hal bila kita tanya satu-satu anak Negeri Sembilan, mereka tidak mengaku malah tidak merasai diri mereka orang Minangkabau. (Kecuali di dua, tiga kampung seperti Kampung Dacing, Beranang dan Kampung Gagu, Jelebu yang memang kebanyakannya terdiri dari kelompok pendatang Minangkabau yang agak mutakhir).

Banyak lagi kekeliruan dan keraguan yang berkaitan dengan kekaburan konsep Melayu dan Minangkabau ini telah ditimbulkan dan cuba dijelaskan di dalam Seminar Identiti Negeri Sembilan yang diadakan di Seremban beberapa tahun dahulu (1). Diantaranya ialah tentang dialek, senibina, permainan dan pakaian, Seminar itu merumuskan bahawa Negeri Sembilan mempunyai budaya dan identitinya tersendiri

yang bukannya budaya Minangkabau tetapi adalah budaya Melayu setempat yang mungkin hanya ada pengaruh Minangkabau.

Untuk mencari penjelasan yang lebih objektif dan agak realistik, dalam rencana ini saya akan mencuba menjelaskan atau menyusul aspek sistem bersuku-suku berdasarkan beberapa kali lawatan ke Minangkabau untuk mencari dari mana asalnya suku-suku yang terdapat di Negeri Sembilan dan di Nanning itu. Juga dengan menemu-bual orang-orang yang berkenaan di sana dan membandingkan beberapa buah buku tambo (terombo) Minang dan buku-buku mutakhir tentang sejarah Minangkabau. Semoga dengan tulisan ini akan dapat menolong memperjelaskan kekaburan di atas tadi.

Latar Sejarah dan Geografi Alam Minangkabau.

Pada pokoknya orang Minangkabau itu bukanlah lain daripada orang Melayu. Kalau tidakpun bolehlah dianggap sebagai sepupu atau saudara rapat Melayu; bentuk romannya tidak berapa berbeza dengan orang Melayu, bahasanya juga sama dengan bahasa Melayu, hanya berbeza dari segi loghat atau dialek sahaja. Tetapi akhir-akhir ini, pengkaji-pengkaji dan orang Minangkabau sendiri, terutama cerdik pandainya telah menganggap Minangkabau sebagai satu etnik yang tersendiri. Ini mungkin dapat diterima kerana Minangkabau mempunyai ciri-ciri kebudayaan yang tersendiri yang ada persamaan sedikit dengan aspek adat yang diamalkan di Negeri Sembilan(Perpatih).

Semenjak bilakah nama Melayu bertukar menjadi Minangkabau mungkin dapat dikaitkan dengan cerita legenda yang amat popular di kalangan masyarakat umum Minangkabau iaitu peristiwa adu kerbau antara pihak orang Pulau Perca (Sumatera) dengan pihak pendatang (Majapahit) yang berkesudahan kerbau orang Pulau Perca yang menang. (2) Semenjak itulah nama Melayu daerah Barat Sumatera itu bertukar menjadi 'Minangkabau' kerana mengambil sempena peristiwa kemenangan beradu kerbau itu. Cerita ini pula, jika benar-benar berlaku, dapat dikaitkan dengan kedatangan satu ekspedisi yang dihantar oleh raja Singasari yang bernama Kertanegara. Ekspedisi itu yang pada mulanya bertujuan untuk menundukkan Melayu, akhirnya bertukar menjadi ekspedisi persahabatan (3). Ini mungkin kerana helah yang dibuat oleh pihak Melayu dengan acara adu kerbau itu telah dapat menghindarkan peperangan berlaku.

Tentang geografi tanah Minangkabau elok diketahui serba sedikit. Selain dari untuk mengurangkan kekaburan, ialah untuk memudahkan kefahaman kita tentang kedatangan adat Perpatih ke Negeri Sembilan atau sebaliknya tentang gerak perjalanan perwakilan orang Negeri Sembilan yang pergi menjemput anak raja dari Pagaruyung beberapa kali itu, begitu juga untuk mengetahui gerak perjalanan perantau-perantau Minangkabau ke Semenanjung, khususnya ke Negeri Sembilan.

Tanah Minang atau yang dipanggil Alam Minangkabau itu adalah terletak di sebelah barat pulau Sumatera bahagian tengah. Tetapi jika dibandingkan dengan kedudukan Negeri Sembilan ia adalah jauh ke selatan sedikit, tidak setentang. Perjalanan ke sana jika menaiki bas dari pelabuhan Dumai ke Padang, akan memakan masa 12 ke 13 jam, iaitu hampir-hampir sama jauhnya dengan perjalanan dari Melaka ke Kota Baharu, Kelantan, tetapi terpaksa melalui jalan yang berliku-liku mendaki dan menurun banjaran Bukit Barisan selama kira-kira empat jam. Pada masa kini alam Minangkabau

itu telah dijadikan sebuah propinsi yang dinamakan Sumatera Barat (Sumbar) yang diketuai oleh seorang Gubernur. Ini termasuk kawasan pesisir atau bahagian pantai Lautan Hindi.

Tetapi Tanah Minangkabau purba atau tanah asalnya ialah bahagian yang terletak didataran tinggi di antara barisan-barisan Bukit Barisan. Kawasan ini dikenali dengan nama luhak nan Tigo, kerana ianya terdiri daripada tiga buah luhak yang besar:

- (1) Luhak Tanah Datar, ibunya Batu Sangkar,
- (2) Luhak Agam, ibunya Bukit Tinggi,
- (3) Luhak Limo Puluh Koto, Ibunya Paya Kumbuh.

Luhak pertama sebenarnya tidak datar, sebaliknya tanah yang lebih tinggi dan berbukit-bukit. Di sinilah letaknya Pagar Ruyung yang pernah menjadi pusat kerajaan yang dinamakan Kerajaan Pagar Ruyung. Kini ia hanya sebagai kampung yang terdapat kesan-kesan purba dan batu-batu bersurat dan juga baru-baru ini telah didirikan oleh pemerintah Sumbar sebuah replika istana yang besar dan kompleks yang luas.

Luhak Agam terletak di bahagian yang tertinggi hinggalah kota Bukit Tinggi, ibu luhak itu hawanya sangat dingin dan nyaman. Sedangkan luhak Limo Puluh terletak di dataran lebih rendah, rata dan luas, dipenuhi oleh sawah padi yang disela-sela oleh kampung-kampung. Barangkali luhak inilah yang lebih besar maknanya kepada hubungan adat antara Negeri Sembilan dan Minangkabau kerana di luhak inilah terdapat nama-nama suku yang terdapat di Negeri Sembilan; sekurang-kurangnya ada enam nama atau mungkin tujuh. Tetapi harus diingat bahawa nama-nama itu ialah nama-nama kampung (kelurahan) atau nama "nagari" (kira-kira seluas mukim di sini). Nama itu ialah Paya Kumbuh, Sari Lamak, Batu Balang, Simalanggang, Mungka(r) dan Batu Hampar. Mungkin termasuk pula sebuah kampung kecil, Tiga Batur Padang Berangan, dekat Sari Lamak. Tiga nama lagi terdapat di luhak Tanah Datar, iaitu Tanah Datar sendiri, Tiga Batur dan Tiga Ninik. Nama suku Biduanda (suku peribumi asal Negeri Sembilan), Anak Melaka dan Anak Acheh tidak terdapat di mana-mana Minangkabau.

Berbalik kepada geografi alam Minangkabau tadi, setiap luhak nan tiga itu mempunyai daerah luar atau disebut rantau masing-masing. (Lihat Peta 2). Rantau-rantau ini adalah sebagai tempat orang Minangkabau keluar mencari kehidupan. Tetapi akhir-akhirnya konsep rantau ini telah meliputi semua tempat-tempat di mana saja orang Minangkabau mencari kehidupan, termasuk Kampar, Siak, Kuantan-Inderagiri, malah sampai ke Negeri Sembilan.

Tanah asal atau Luhak nan Tigo ini pula, secara fizikalnya dapat di bahagi kepada dua bahagian:

- (a) Bahagian timur pemisah air Bukit Barisan di mana sungai-sungainya mengalir ke timur yakni ke Selat Melaka, iaitu seperti Sungai-sungai Batang Hari (Jambi), Kuantan-Inderagiri, Sg. Kampar, Sungai Siak dan Batang Rokan. Semua sungai ini sangat bermakna dalam sejarah dan perantauan orang Minangkabau. Bahagian ini terdapat tiga buah danau; Danau di Atch, Danau di Baruh dan Danau Singkarak yang

terbesar yang sentiasa mengalir keluar menjadi Sungai Ombilin yang pula bercantum dengan beberapa sungai lain hingga membentuk Sungai Kuantan-Inderagiri. Antara Sungai Sinamar yang melembangih Luhak Limopuluh Kota (Lihat Peta 3) dimana terletakinya anak-anak sungai yang menjadi nama-nama suku di Negeri Sembilan itu.

- (b) Bahagian barat, yang mana sungai-sungainya pendek-pendek dan mengalir ke barat atau Lautan Hindi. Air Danau Maninjau (kedua besar) mengalir keluar ke barat ini ialah Batang Antokan.

Perbandingan suku-suku di Negeri Sembilan dengan suku-suku Minangkabau

Telah disebutkan bahawa nama-nama suku yang terdapat di Negeri Sembilan yang berjumlah dua belas itu, sembilan daripadanya ialah yang bersamaan dengan nama-nama tempat (kampung atau kelurahan dan nagari di Minangkabau); enam di sekitar pekan Paya Kumbuh dan tiga di Luhak Tanah Datar. Penulis selaku Setiausaha Bahagian Penyelidikan PSM/CNA, bersama dengan Tuan Haji Ismail Hadi, selaku Setiausaha Induk dan Haji Ab. Aziz Salleh, AJK., telah dapat menjejaki hampir semua tempat ini semasa rangka lawatan PSM/CNS ke Daerah Riau dan Sumbar, dalam Tahun 1987. Penulis sendiri telah melengkapkan pencarian semua tempat ini dalam dua pemerhatian lagi kemudiannya. (Lihat gambar-gambar lampiran sebahagian daripada nama-nama tempat yang berkenaan).

Kesimpulannya, nama-nama suku di Negeri Sembilan ini adalah sama dengan nama-nama tempat di Minangkabau, bukan nama-nama suku orang Minang.

Suku-suku Minangkabau, menurut A.A Navis (4) berjumlah lebih daripada 40 buah; jika termasuk pecah-pecahannya boleh menjadi lebih 90 buah. Di antaranya termasuk yang tertua dan kedua terbesar, iaitu suku Melayu (5) Menurut Tambo (terombo) Minang suku yang asal ialah empat buah sahaja: Koto, Piliang; Bodi dan Caniago. Maka sebab itulah timbulnya kata 'suku' itu yang mana bermakna seperempat. Kemudian suku-suku yang empat telah bertambah-tambah dari masa ke masa kerana pendatang-pendatang atau pemekaran dan pengembangan suku.

Suku-suku Minang yang banyak ini pada teorinya, mungkin juga amalannya, dapat dibahagikan kepada dua golongan yang dipanggil laleh (laras): Pertama Koto-Piliang, pengasasnya Datuk Katumanggungan, Kedua Lareh Bodi-Caniago, pengasannya Datuk Perpatih nan Sabatang. Kedua-dua aliran atau laleh ini dikenali sebagai Adat Minangkabau dan diamalkan secara bersaing dengan prinsip-prinsip asasnya yang sama, iaitu masyarakat yang bersuku-suku seperti Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Suku dan pewarisan pusaka adalah mengikut naseb ibu (matrilineal). Yang berbeza antara kedua-dua laleh ini ialah dari segi falsafah pemerintahan: Koto-Piliang bercorak Otokrasi-Birokrasi, di mana ketua-ketua suku atau penghulu-penghulunya dipilih atau ditetapkan dari pihak atas atau tertentu calonnya. Sedangkan laleh Bodi-Caniago adalah

bercorak demokrasi di mana pemilihan penghulu-penghulu suku adalah dilantik mengikut kebulatan seluruh kemanakan (anak buah).

Kita lihat pula perbezaannya dengan suku-suku di Negeri Sembilan. Adat Perpatih Negeri Sembilan dan Nanning, menurut Abdullah Siddik (6) pada mulanya dikenali sebagai Adat Melayu sahaja. Tetapi oleh kerana terdapat dua aliran iaitu Adat Melayu pantai/laut dan Adat Melayu darat maka istilah Perpatih dan Temenggung diperkenalkan untuk membezakan antara kedua aliran itu. Dan istilah itu kekal hingga sekarang; adat perpatih merujuk kepada adat Melayu darat yang bercorak matrilineal dan adat Temenggung bagi Melayu pantai yang bercorak patrilineal atau nasab bapa. Perlu diingat bahawa adat Temenggung di sini adalah merujuk kepada semua adat Melayu di negeri-negeri lain di Semenanjung selain daripada Negeri Sembilan dan luak Nanning, Melaka. Adat Temenggung juga diamalkan di seluruh kepulauan Riau dan serta puak-puak Melayu pantai atau pesisir sepanjang-panjang pulau Sumatera Timur (dari Tamiang, Langkat, Medan-Deli, Asahan, Bangkalis, Siak dan Kampar Hilir, Inderagiri Hilir, Jambi Hilir dan Palembang).

Perlu juga diingat bahawa adat Temenggung Melayu ini jangan dikelirukan dengan adat Temenggung atau Katumanggungan di Minangkabau yang dipanggil adat larek Koto-Piliang itu. Adat Temenggung Melayu adalah adat Melayu pantai yang berorientasikan syarak Islamiyah semata; tidak ada sistem bersuku-suku dan tiada larangan berkahwin sesama perut atau antara saudara pupuan.

Bahasan-bahasan

Sebagai ransangan di bawah ini dikemukakan beberapa pendapat umum tentang adat Perpatih Negeri Sembilan dan hal-hal berkaitan dengannya. Ini sengaja ditimbulkan untuk tujuan menyedari adanya pendapat-pendapat atau tanggapan-tanggapan yang keliru selama ini.

(1) Di Negeri Sembilan kita mengenalinya sebagai Adat Perpatih sedangkan di Minangkabau dikenali sebagai Adat Minangkabau yang terbahagi pula kepada lareh yang hampir sama prinsip dan amalan, cuma berbeza dari segi falsafah pemerintahan. Soalan pokoknya kenapakah di Negeri Sembilan kita memakai adat Perpatih sahaja (yang prinsipnya mirip kepada aliran atau lareh Bodi-Caniago di Minangkabau.) Di manakah cicerinya adat Koto-Piliang itu? Ada beberapa saranan jawapannya tetapi bercanggah-canggah. Pertama, menurut cerita legenda orang Kuantan-Inderagiri, dari kutipan/kajian Tsuyoshi Kato (7), ia adalah berpunca dari perselisihan konsep dan falsafah pemerintahan antara dua orang datuk, Perpatih dan Katumanggungan, semasa mengilir ke Kuantan. Kerana perbalahan itu mereka berpecah: Datuk Katumanggungan pergi ke hilir atau ke arah laut, sedangkan Datuk Perpatih memerintah dan mengembangkan prinsip pemerintahannya dari Kuantan ke hulu. Menurut Kato juga, adat di Kuantan betul-betul sama coraknya dengan adat Perpatih di Negeri Sembilan, iaitu adat Temenggungnya di sebelah pantai. Sedangkan di dataran tinggi Minangkabau kedua-duanya bersaing.

Satu cerita lagi tentang pembahagian kawasan ini kononnya berlaku di Sungai Kampar pula. Pembahagian sama juga berlakunya antara dua orang datuk yang sama. Cerita pembahagian ini dapat dilihat dari perbilangan terombo Negeri Sembilan (8).

*Maka turunlah Dato' Seri Maharaja Diraja,
Membawa penghulu yang dua sila,
Iaitu Datuk Temenggung dan Datuk Perpatih nan Sebatang:
Turut ke laut ke bandar Rokan,
Tempat perahu nang bersusun-susun,
Tempat galah nang bersilang-seli,
Tempat gayung nang berleangkang-lekung,
Di situlah pembahagian Datuk Temenggung dengan Dato' Perpatih Nan Sebatang:
Mengilir ke Kampar Kiri dan
Menghulu ke Kampar Kanan.
Mengilir ke kampar kiri:*

*Tempat air nang bergelombang,
Tempat ombak nang memecah,
Tempat pasir nang memutih,dll.
Tempat dagang keluar masuk,
Tempat saudagar berjual-beli,
Itulah bahagian Dato' Temenggung Bendahara Kaya.*

Maka mengundanglah ia:

*Siapa menjala siapa terjun,
Siapa berhutang siapa membayar,
Siapa salah siapa bertimbang,
Siapa membunuh siapa kena bunuh.
Itulah adat Datuk Temenggung Bendahara Kaya.*

Kemudian menghulu ke Kampar Kanan:

*Tempat air segantang selubuk,
Tempat sedengkang berbunyi malam,
Tempat harimau berhukum,dll.,
Tempat meranti bersanggit dahan,
Tempat tupai berlompatan,dll.,
Maka negeri itu terpulanglah kepada Datuk Perpatih Nan Sebatang*

Maka mengundanglah dia:

*Hutang nang berturut,
Cagar nang bergadai
Cincang pampas, bunuh beri balas,
Anak dipanggil makan,
Anak buah disorong balas,dll.*

Menurut Terombo Naning pula, cerita ini memberikan versi yang lain pula. Yang datang membawa adat Perpatih ke Naning kononnya Datuk Perpatih Pinang Sebatang sendiri. Jadi ketiga-tiga versi cerita ini tidak dapat memberikan gambaran yang objektif. Terpulanglah kepada spekulasi kita sendiri. Atau adat Temenggung memang sedia wujud di daerah-daerah hilir dan pantai. Ini mungkin lebih munasabah.

(2) Adat ini, sama ada adat Melayu pantai atau Melayu darat Perpatih atau Temenggung dikatakan datang dari Minangkabau. Inilah pandangan umum. Harus diingat bahawa adat ini bukanlah monopoly orang Minangkabau. Orang-orang daerah rantau hilir seperti Rokan, Kampar, Siak Hulu, Rantau Kuantan-Inderagiri semuanya penganut adat ini. Semua daerah ini adalah dikenali sebagai kawasan Melayu darat. Pada hemat penulis sendiri, orang Negeri Sembilan bahagian darat adalah sama etnik dan budaya dengan Melayu darat di Sumatera itu, yang mana kawasannya terletak di dataran rendah di timur banjaran Bukit Barisan. Dan banyak ciri-cirinya menyamai atau mirip dengan yang di Negeri Sembilan, seperti bahasa atau dialeknya, rumah-rumahnya amalan adat dan kemasyarakatannya. Ini memerlukan huraian yang lain.

Soalannya, jika persamaan adat (Perpatih saja) terdapat di daerah Kuantan-Inderagiri tentulah menjadi tanda tanya adakah adat Perpatih Negeri Sembilan ini datangnya dari Kuantan atau dari Minangkabau? Logiknya tentulah datang dari tempat yang serupa adatnya.

(3) Ternyata, nama-nama suku yang terdapat di Negeri Sembilan ini bukannya nama-nama suku Minangkabau. (Kecuali di kawasan barat laut Negeri Sembilan, seperti di Kampung Dacing, dan setengah tempat di Beranang Hulu dan Lenggeng, juga di Kampung Gagu di Jelebu yang memang saheh pendatang Minangkabau, mempunyai suku-sukunya yang tersendiri seperti Jambak, Tanjung, Sipisang, Kampai dan sebagainya).

Soalnya, kenapakah suku-suku Negeri Sembilan tiada satupun yang sama dengan suku Minangkabau, sebaliknya nama-nama tempat di Minangkabau? Penulis pernah mengajukan soalan ini kepada beberapa orang tokoh di Sumatera Barat. Antaranya termasuk bapak Marjani Martamin, Direktur Akademi Seni Kerawitan Indonesia (ASKI) di Padang Panjang yang berasal dari Simalanggang. Beliau amat ragu-ragu untuk menjawab. Akhirnya beliau berkata: " Bagi orang Minang, pak, jika tidak mempunyai suku adalah sesuatu yang tak dapat diterima, kecuali kalau mereka sengaja mau menyurukkan nama sukunya kerana satu-satu muslihat agar jangan nama sukunya tercemar."

Untuk cuba menjawabnya, kita sedia faham bahawa suku adalah diturunkan melalui nasab ibu. Jadi kita bolehlah mengandaikan dari pendapat umum juga bahawa peneroka Minang yang datang ke Negeri Sembilan dahulu memang terdiri dari kaum lelakinya, kemudian menyemenda dengan perempuan-perempuan tempatan. Oleh kerana pendatang-pendatang itu membawa sistem adat yang bersuku-suku, maka merekapun menggunakan nama daerah atau kampung dari mana mereka datang, sebab laki-laki tidak boleh menurunkan suku. Keadaan ini mungkin dapat di samakan dengan keadaan kita di sini, bila penghijrah-penghijrah ke bandar-bandar besar, mereka men-

gadakan kelompok atau persatuan kebajikan yang mengambil sempena nama tempat asal mereka.

(4) Antara 12 suku yang terdapat di Negeri Sembilan hanya di Luhak Rembau yang cukup bilangannya, sedangkan di Daerah Kuala Pilah mungkin sebelas sahaja, kerana rasanya tidak terdapat suku anak Melaka; yang menjadikan 12 ialah Seri Lemak dikira dua iaitu Seri Lemak Pahang dan Seri Lemak Minangkabau. Jika dikira semua pecahan-pecahan yang terdapat di dalam suku-suku lain maka jumlahnya pasti menjadi lebih daripada 12. Sebenarnya bilangan dan nama-nama suku ini tidak sama jumlah antara satu luhak dengan satu luhak di Negeri Sembilan. Jika tidak mengira pecahannya, di Jelevu mungkin ada lima sahaja. Tampin hanya tiga, Inas empat, Johol ada enam tetapi beberapa suku yang tidak terdapat didalam senarai yang dua belas itu yang kelihatan bukan mengikut asal dari Minangkabau. Jadi banyak soalan yang dapat ditimbulkan bila membicarakan tentang suku-suku ini. Antaranya kenapakah suku Biduanda yang dianggap suku peribumi asal Negeri Sembilan itu mendapat atau diberikan kedudukan yang begitu tinggi? Mana dan bilakah timbulnya perkataan Biduanda itu? Benarkah suku Biduanda itu suku orang asli? Begitu juga suku Anak Aceh, dari manakah asalnya, adakah dari Aceh dan kenapa negeri asalnya terpisah sangat dari Minangkabau? Dan suku anak Melaka adakah asal orang Melaka sebenar? Ini semua memerlukan kajian yang tersendiri dan terperinci.

Di sini penulis hanya cuba memberikan beberapa pandangan tentang suku Biduanda, untuk menjadi saranan jawapannya atau untuk menimbulkan soalan selanjutnya. Namun Biduanda terdapat di dalam *Sejarah Melayu* yang bermaksud anak baik-baik, seperti Biduanda Cina dan sebagainya. Winstedt pula berpendapat bahawa Biduanda itu adalah pembesar-pembesar Melaka yang dihantar ke negeri-negeri kecil di darat-darat jajahan takluknya sebagai pemerintah (9). Pesaka Undang yakni pembesar-pembesar Luhak dan juga pembesar-pembesar tertentu adalah terdiri dari suku Biduanda. Datuk-datuk Lembaga bagi suku-suku pendatang mendapat kedudukan yang lebih rendah. Adat kahwin bagi anak-anak perempuan suku Biduanda adalah lebih tinggi daripada adat suku-suku lain. Puak-puak Biduanda yang dinamakan suku Waris mempunyai pantang larang tersendiri dalam banyak hal, umpamanya orang-orang suku lain tidak dibenarkan membuat rumah meniru bentuk-bentuk yang khusus bagi suku Biduanda Waris, seperti membuat bendul mancung dan serambi beranjung dan sebagainya, sama seperti pantang larang yang dikenakan oleh Yamtuan dan lain-lain raja Melayu. Jadi, disini penulis secara peribadi berpendapat bahawa suku Biduanda adalah memang berasal dari golongan pemerintah yang berwibawa, bukan hanya sebagai penghormatan yang diberikan kepada suku peribumi (orang asli atau Jakun) kerana mereka itu ternyata tidak mempunyai karisme.

Akhinya penulis ingin menyentuh sedikit tentang kedatangan nama-nama suku di Negeri Sembilan ini dan sedikit tentang penyebarannya di sini. Tentang nama-nama itu memanglah susah hendak dinafikan datangnya dari Luhak Limapuluh Kota atau lebih tepat, dari sekitar pekan Paya Kumbuh yang berjarak antara 8 ke 15 kilometer paling jauh dan dari Luhak Tanah Datar, sekitar kota Batu Sangkar. Tetapi bagaimana punca dan sebab musabab kedatangannya dan bila masanya adalah sukar dijawab. Jika benar ada peneroka-peneroka zaman lampau itu datang dari tempat-tempat tersebut, mungkinlah tidak secara langsung. Kato menyarankan miera ini mungkinlah telah

bermastautin lama dan bernegeri di rantau-rantau hilir di pantai timur Sumatera baharulah menyeberang selat Melaka, mungkin di zaman kerajaan Melaka lagi. Dan tempat atau destinasi awal mereka adalah daerah Naning, melalui Sungai Melaka atau Sungai Linggi-Rembau. Lama kemudian mereka beransur ke bahagian timur Negeri Sembilan, Ulu Muar dan Jelebu, melalui lurah-lurah bukit.

Sedikit saranan lagi dapat penulis berikan ialah tentang suku Tiga Batu. (Sebenarnya nama asalnya mungkin Tiga Batur; di Rembau ada sebuah kampung asal suku ini yang disebut Tiga Batur bukan Tiga Batu. Tempat yang ditemui di Minangkabau juga ditulis Tiga Batur (lihat gambar foto lampiran). Kata Batur berasal dari kata dialek Minang "baatue" yang bermakna beratur, yakni sejarahnya ada tiga orang datuk pemerintah nagari dekat Sungai Tarab, telapak datuk Bendaharo di zaman kerajaan Pagaruyung dahulu. Di daerah Naning pula terdapat pecahan suku ini yang terbesar, iaitu Tiga Batur Lubuk Kepung, telapaknya dekat Simpang Empat, Alur Gajah; dan satu lagi Tiga Batur Nesan Tinggi yang telapaknya dekat Kg. Repah, Tampin, Negeri Sembilan. Kedua-dua pecahan ini banyak tersebar di seluruh Naning dan juga di Rembau. Begitu juga di Luhak Gunung Pasisir, yang menurut sejarah lisan adalah berasal dari Rembau yang terletak betul-betul di sebalik bukit atau banjaran Titiwangsa itu.

Daripada contoh penyebaran suku Tiga Batur ini kita bolehlah mengandaikan jalur dan gerak penyebaran suku-suku yang lapan lagi itu mungkin mengikut proses yang sama kerana datangnya dari pangkal yang sama; mereka mengilir mengikut salah satu daripada sungai-sungai besar yang disebutkan di atas. Mereka menerap dahulu di rantau-rantau hilir dan mengadaptasikan diri dengan masyarakat Melayu setempat, barulah menyeberang Selat Melaka dengan perahu-perahu Kampar, Siak dan Rokan untuk sampai ke Semenanjung. Maka kerana itulah agaknya corak adat yang diamalkan di Negeri Sembilan dan Naning ini lebih mirip kepada adat Melayu darat di rantau Kuantan dan Kampar. Di Kampar juga jumlah suku disebut dua belas, juga namanya berlainan dengan suku-suku di Negeri Sembilan dan Minangkabau.

Setakat ini kita melihat bahawa gerak penyebaran suku-suku ini adalah dari dataran Minangkabau. Tetapi adat itu sendiri yang semestinya faktor penentu sistem bersuku-suku ini tidak semestinya bermula di darat. Ini mungkin telah wujud di pesisir timur atau di mana-mana masyarakat Melayu purba itu wujud, hanya menjadi mekar dan dikodifikasikan semasa kerajaan Pagaruyung dulu (10). Hal ini dapat diterima kerana amalan-amalan adat di tempat-tempat lain di luar Minangkabau kelihatan banyak perbezaan dan juga mempunyai ciri-ciri setempat, begitu tentang konsep dan istilah banyak kelainannya. Umpamanya sistem pertadbiran suku yang memakai ibu bapak (buapak) adalah terdapat di Negeri Sembilan sahaja. Ini membuktikan bahasa sistem ini sudah wujud sebelum kedatangan pengaruh dari Minangkabau.

Penutup

Setelah mengetahui serba sedikit tentang suku-suku di Negeri Sembilan dan Minangkabau dan juga tentang bahasan-bahasan yang dikemukakan di atas mungkinkah dapat dibuat sebuah hipotesis atau pandangan lain yang tidak lagi berupa pandangan atau tanggapan yang stereotip kononnya segala-gala yang berkaitan dengan adat di Negeri Sembilan ini adalah dari Minangkabau sedangkan ianya mempunyai ciri-ciri dan keperibadian yang tersendiri iaitu keperibadian Melayu darat yang masih kelihatan trait-trait budaya lautnya. Dengan ini bolehlah kita membuat satu kesimpulan bahawa kedatangan budaya Minangkabau ke Negeri Sembilan tidak menghapuskan budaya tempatan yang asal tetapi sebaliknya hanya menambah dan memperkuat budaya Negeri Sembilan sendiri.

NOTA-NOTA

- (1) Seminar Identiti Negeri Sembilan di adakan di Seremban pada 29 Julai, 1988 hingga 1 Ogos, 1988, anjuran bersama PSM/CNS dan Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Sembilan.
- (2) Lihat *Tambo Alam Minangkabau* oleh Datuk Batuah Sango (Haji Datuk Tuah) Penerbit Limbago Payukumbuh, 1959 hlm. 66.
- (3) A.A Navis, *Alam Berkembang Jadi Guru, Adat dan Kebudayaan Minangkabau*, Jakarta. Pustaka Grafitipers, 1986 hlm. 10.
- (4) Ibid. h. 129 - 130. Lihat Lampiran.
- (5) Kato, Tsuyoshi, *Matriline and Migration*, London. Cornell University Press. 1982 h. 81 Kato menyenaraikan suku Melayu sebagai yang kedua terbesar (keramaian dan penyebarannya).
- (6) Abdullah Sidik. *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 1975 h. 159
- (7) Kato, Tsuyoshi. "Adat Community and administrative Reorganization in Kuantan, Riau." in *Environment, Agriculture and Society in Malay World*. Kyoto. CSEAS, Kyoto University, 1986.
- (8) Mohd. Din bin Ali. *Samban Cakap dan Pepatah Adat Melayu, penggal Ketiga*. Kuala Lumpur. Pustaka Antara, 1957. h. 10 - 11.
- (9) Winstedt, R.O. "Negeri Sembilan, The History, Polity and Belief" dlm JMBRAS, Vol. XII, 1934, h. 57.
- (10) *Arsitektur Tradisional Daerah Riau*. Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan, Pekanbaru. 1986. h. 98.

LAMPIRAN I

(a) SENARAI NAMA-NAMA SUKU DI MINANGKABAU (Menurut A. A. Navis)

- | | | |
|---------------|-------------------|-----------------------|
| 1. Banu Ampu | 15. Kampai | 29. Pinawan |
| 2. Bendang | 16. Koto | 30. Pisang/Sipisang |
| 3. Bingkuang | 17. Lubuk Batang | 31. Salo |
| 4. Bodi | 18. Magek/Simagek | 32. Salaian |
| 5. Caniago | 19. Mandaliko | 33. Sikumbang |
| 6. Dalimo | 20. Mandailing | 34. Singkawang |
| 7. Dani | 21. Malayu | 35. Simabur |
| 8. Domo | 22. Mansiang | 36. Sinapa |
| 9. Gucci | 23. Padang Datar | 37. Sipanjang |
| 10. Gudam | 24. Padang Laweh | 38. Supayang |
| 11. Hari | 25. Pagar Cancang | 39. Tabu/Tobo |
| 12. Jambak | 26. Panai | 40. Tanjung/Sitanjung |
| 13. Karambil | 27. Payo Badar | 41. Potapang. |
| 14. Kutianyir | 28. Piliang | |

(b) SENARAI SUKU-SUKU DI LEMBANGAN SUNGAI KUANTAN

- | | |
|-----------------|-------------|
| 1. Piliang Luas | 4. Caniago |
| 2. Piliang Sani | 5. Potapang |
| 3. Malayu | 6. Cermin |

(c) SENARAI SUKU-SUKU DI LEMBANGAN SUNGAI KAMPAR

- | | |
|---------------|-----------------------------------|
| 1. Malayu | 6. Caniago |
| 2. Mandailing | 7. Bendang |
| 3. Piliang | 8. Kampai |
| 4. Domo | 9. Putosaid (Putera Saiyid), dll. |
| 5. Potapang | |

(d) SENARAI SUKU-SUKU DI LEMBANGAN SG. ROKAN DAN RAMBAH


- | | |
|---------------|------------------|
| 1. Malayu | 5. Kandang Kepuh |
| 2. Mandailing | 6. Pungkut |
| 3. Ampu | 7. Mals |
| 4. Kuti | 8. Bonor, dll. |

Perhatian:

(b), (c) dan (d) adalah di kawasan Malayu darat/ di timur banjaran Bukit Barisan. Lihat ada nama-nama yang tak sama dengan yang di Sumatera barat yang pada zaman lampau tiada sempadan pemisah.

Lampiran IIA.

Empat daripada 9 tempat yang sama namanya dengan nama-nama suku Negeri Sembilan.



(1) (2)




(3) (4)




- Keterangan:** (1) Bergambar di hadapan Balai Adat di Simalanggang; dari kiri: Penulis, Hj. Aziz Salleh dan Haji Ismail Hadi. (1987)
 (2) Penulis dihadapan Masjid Tiga Batur.(1987)
 (3) Hj. Ismail dan Hj. Aziz, Bergambar dekat papan tanda Mungka.(1988)
 (4) Isteri penulis dengan dua orang gadis Tiga Ninik, (25.6.1992.)

Lampiran 2B



(5)



(6)

Keterangan:

- (5) Kampung Tiga Batur, di kejauhan sebalik sawah-sawah yang menguning, dilihat dari Pekan Sungai Tarab, Batu Sangkar.
- (6) Gambar Batu Bertikam yang dikatakan bekas tikam keris dt. Perpatih semasa berbalah tentang cara atau falsafah pemerintahan masing-masing. Batu ini terletak di Kecamatan Lima Kaum, Batu Sangkar.